

**RM5.2 BILION**

taksiran kerugian harta benda akibat kebakaran pada 2017

**290 BALAI BOMBA**

seluruh negara dan 20 balai bomba baru dijangka siap tahun ini

→ **PAMERAN**

(FOTO YUSNI ARIFFIN/BH)



Menerusi platform ini, kita berkongsi idea, pengetahuan teknologi, cabaran dan amalan terbaik dalam meningkatkan kecekapan pengurusan keselamatan kebakaran. Insiden sabotaj membabitkan terowong bawah tanah dan tragedi Grenfell membawa perubahan besar ke atas peranan bomba agar sentiasa mengambil langkah proaktif pencegahan bersama agensi lain”

**Steve Apter,** Timbalan Pesuruhjaya, Pengarah Keselamatan Ibu Pejabat Jabatan Bomba London



Cabaran utama adalah memastikan pembangunan rumah mampu milik seimbang dengan kehendak rakyat dan memenuhi piawaian keselamatan bangunan kerana tiada sebarang peruntukan untuk memastikan setiap pemilik atau pemaju melaksanakan audit bangunan”

**Donald P Bliss,** Naib Presiden Operasi Persatuan Perlindungan Kebompaan Nasional



Pengerusi Jawatankuasa Persidangan IFCEM 2018 yang juga Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba, Edwin Galan Teruki (tiga dari kiri) bergambar dengan ahli panel dari luar negara di Petaling Jaya, semalam.

# IFCEM 2018 platform perkongsian pintar kebompaan seluruh dunia

**Petaling Jaya:** Malaysia menjalin perkongsian pintar dengan organisasi keselamatan bangunan, kebompaan seluruh dunia menerusi Persidangan dan Pameran Kebompaan Antarabangsa 2018 (IFCEM 2018) yang berlangsung di sini, selama tiga hari bermula semalam.

Program yang dianjurkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama Institusi Kejuruteraan Kebompaan (UK) dan Persatuan Perlindungan Kebompaan Malaysia kali ketiga itu bertemakan, Fire Safety- Gaining the Edge mengahimpunkan 1,500 peserta dari seluruh dunia.

Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan JBPM, Mohammad Hamdan Wahid, berkata peserta daripada pelbagai latar bidang seperti arkitek, konsultan, pegawai keselamatan, jurutera, juru perunding, pemilik bangunan, warga bomba, pembekal dan pembuat peralatan keselamatan kebompaan berkongsi idea, kemahiran serta pengalaman sepanjang persidangan berkenaan.

Katanya, penyertaan amat menggalakkan sehingga melangkaui sasaran membuktikan pengiktirafan pelbagai pihak di dalam dan luar negara terhadap usaha JBPM mem-

perkasakan keselamatan kebompaan sejajar perkembangan semasa.

Lima panel dari Amerika Syarikat, Britain, Singapura, Australia membentangkan kertas kerja, selain empat panel tempatan berkaitan isu cabaran operasi penyelamatan, isu keselamatan dan cabaran kebompaan serta kejuruteraan dan sains kebompaan yang memberi impak besar terhadap keselamatan dan kesejahteraan orang ramai.

“Objektif utama IFCEM 2018 adalah menjadi platform perbincangan, deliberasi aspek kebompaan, pengurusan bencana dan bantuan kemanusiaan.

**Pamer peralatan, jentera canggih**

“Selama tiga hari ini, 135 petak pameran daripada 65 syarikat dalam dan luar negara merangkumi bidang keselamatan, pengurusan bencana dan keselamatan masing-masing mempamerkan peralatan dan jentera berteknologi tinggi dan tercanggih.

“Antara peralatan yang menarik minat pengunjung adalah peralatan menggunakan teknologi terbaru, termasuk berbentuk robotik dan kepintaran buatan (AI) seperti drone bagi pengawasan dan penyampaian info kepada pusat kawalan serta

sistem telekomunikasi yang menyebarkan maklumat awal kebakaran, krisis dan bencana,” katanya.

Beliau berkata demikian, selepas sidang media Majlis Perasmian IFCEM 2018 yang disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim.

Pada sidang media itu, Noh turut menjelaskan dalam usaha pencegahan, tindakan dan penyelamatan khususnya membabitkan kejadian sabotaj, semua pihak dari pelbagai agensi perlu bekerjasama terutama pasukan keselamatan.

“Kepakaran setiap agensi penyelamat dan penguat kuasa diperlukan dalam menangani situasi kecemasan, bahan kimia berbahaya serta tindakan pemadaman yang relevan bagi mengelakkan kesan sampingan lain kepada bomba dan orang ramai,” katanya.

Sementara itu, Wan Mohd Nor, berkata sejajar kepesatan negara teknologi dalam bangunan kini semakin canggih, makin mencabar memerlukan pengesanan bahaya lebih cepat, sistem pemadaman efisien sebelum merebak lebih besar.



**Mohammad Hamdan Wahid,** Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan JBPM

Penyertaan amat menggalakkan sehingga melangkaui sasaran membuktikan pengiktirafan pelbagai pihak di dalam dan luar negara terhadap usaha JBPM memperkasakan keselamatan kebompaan sejajar perkembangan semasa”



Noh diiringi Wan Mohd Nor melawat pameran peralatan bomba dan penyelamat sempena IFCEM 2018, semalam.